# BIDANG TUGAS JABATAN/ AGENSI KERAJAAN PAHANG

| BIL | JABATAN/ AGENSI | BIDANG TUGAS | NO TEL/FAKS/LAMAN WEB | PUSAT ADUAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pengurusan Air Pahang Berhad (JBA) | ➢ Berfungsi memberi perkhidmatan bekalan air bersih yang memuaskan dari segi kuantiti dan kualiti kepada pengguna dengan cara yang paling berekonomi untuk memenuhi keperluan pembangunan sosial dan ekonomi | **Tel:** 09-5712222<br>**Faks:** 09-5712221<br><br>**Laman Web:**<br>jba.pahang.gov.my | **Tel:** 09-5739999 |
| 2 | Indah Water Konsortium | ➢ Menyediakan perkhidmatan dan membangunkan sistem pembetungan | **Tel:** 09-5177628<br>**Faks:** 09-5177452<br><br>**Laman Web:**<br>www.iwk.com.my | **Tel:** 09-5177696 |
| 3 | Polis Diraja Malaysia<br>(IPD Kuantan) | ➢ Menangkap semua orang yang dia diberi kuasa oleh undang-undang untuk ditangkap<br>➢ Memproses risikan keselamatan<br>➢ Menjalankan pendakwaan<br>➢ Memberi bantuan dalam melaksanakan mana-mana undang-undang berhubungan dengan hasil, eksesais, kebersihan, kuarantin, imigresen dan pendaftaran<br>➢ Memberi bantuan dalam mengekalkan ketenteraman di pelabuhan dan lapangan terbang Malaysia, dan dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan kelautan dan pelabuhan<br>➢ Melaksanakan saman, sapina, waran, perintah memenjara dan proses-proses lain yang dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana pihak berkuasa yang kompeten<br>➢ Mempamerkan maklumat<br>➢ Melindungi harta yang tidak dituntut/ hilang dan mencari pemunyanya<br>➢ Menyita binatang-binatang yang berkeliaran dan menempatkannya dalam kandang awam<br>➢ Memberi bantuan dalam melindungi nyawa dan harta | **Tel:** 09-5142999<br>**Faks:** 09-5130454<br><br>**Laman Web:**<br>www.rmp.gov.my | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | ➢ Melindungi harta awam daripada hilang atau rosak<br>➢ Menghadiri mahkamah jenayah dan jika diperintah dengan khas, mahkamah sivil, menjaga ketenteraman didalamnya dan mengiring dan menjaga banduan-banduan dan orang-orang lain yang ada dalam jagaan polis. | | |
| 4 | Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) | ➢ Membangun, mengendali dan menyelenggara kemudahan-kemudahan pengairan, saliran dan tebatan banjir serta menjalankan kerja pemeliharaan sungai bagi mendokong pembangunan dan kemajuan sektor pertanian, khususnya bagi faedah sektor pekebun-pekebun dan petani-petani kecil.<br>➢ Mengkaji, merancang dan melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir di kawasan bandar bagi mengurangkan kejadian banjir yang berlaku di negeri ini bagi menjamin kesejahteraan hidup penduduk dan mengurangkan kerosakan harta benda.<br>➢ Mengkaji, merancang dan melaksanakan program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai-sungai bagi penduduk-penduduk luar bandar dan bandar dengan melindungi nyawa, harta benda dan kawasan-kawasan pertanian serta menyediakan kemudahan rekreasi di sepanjang koridor sungai.<br>➢ Memungut data-data mengenai kejuruteraan pantai untuk mengesan hakisan dan bagi kegunaan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan dalam perancangan dan rekabentuk projek-projek spesifik dan untuk tujuan penyelidikan. Menjalankan kerja-kerja mengawal dan mencegah hakisan pantai.<br>➢ Mengumpul data hidrologi diseluruh negeri bagi memenuhi keperluan pembangunan dan pengurusan sumber air yang dikendalikan oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.<br>➢ Memberi ulasan terhadap permohonan pembangunan perumahan, menukar syarat kegunaan tanah, mengeluarkan tanah bukit dan perkara-perkara lain yang terlibat dengan Enakmen Air. Melaksanakan kerja-kerja kejuruteraan awam / bangunan untuk agensi lain di bawah Kementerian Pertanian. | **Tel:** 09-5733966<br>**Faks:** 09-5733440<br><br>**Laman Web:**<br>www.jpspahang.gov.my | **JPS Careline:**<br>1-300-80-1010 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia | <ul><li>**Kebakaran Bangunan;** seperti tempat kediaman, sekolah, hotel, hospital, gedung membeli belah, tempat ibadat, pusat peranginan dan lain- lain</li><li>**Kebakaran Belukar;** lalang, hutan kecil dan lain- lain</li><li>**Kebakaran lain- lain;** kenderaan, sampah, pencawang elektrik dan lain- lain</li><li>**Menyelamat;** Terperangkap dalam lift, bilik rumah, bangunan, mesin, kenderaan, mangsa lemas, sesat, banjir kilat dan lain- lain</li><li>**Operasi Khas;** Operasi musim perayaan, banjir, tanah runtuh, tsunami, lain- lain bencana alam, kebakaran struktur khas seperti loji penapis minyak/ nuklear, tumpahan minyak dan lain- lain</li><li>**Khidmat Khas;** menangkap ular, memusnah serangga berbisa, membantu pihak polis semasa kes kecemasan dan keganasan</li></ul> | **Tel:** 09-5135544<br>09-5132453<br>**Faks:** 09-5130699<br><br>**Laman Web:**<br>www.bombaphg.gov.my | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6 | Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan | ➢ Mengesyorkan dasar, perancangan dan strategi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.<br><br>➢ Melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai program kesedaran dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.<br><br>➢ Menerapkan amalan kitar semula dan pengasingan sisa disumber secara sistematik disamping menekankan ciri-ciri pembangunan yang mampan meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial.<br><br>➢ Memproses permohonan baru, pembaharuan dan pembatalan/penggantungan lesen pembekal perkhidmatan pengurusan sisa pepejal sehingga pengesyoran kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.<br><br>➢ Mengawalselia prestasi syarikat-syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.<br><br>➢ Mengenalpasti teknologi yang mesra alam, selamat dan kos efektif serta menjalankan penyelidikan berhubung dengan pembangunan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.<br><br>➢ Melaksana dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. | **Tel:** 09-5663151<br>**Faks:** 09-5663153<br><br>**Laman Web:**<br>www.aduansisa.my | **Toll Free:**<br>**1-800-88-7472** |
| 7 | Jabatan Kerja Raya (JKR) | ➢ Merancang, merekabentuk dan membina projek infrastruktur. Berperanan sebagai agensi pelaksana dan perunding teknikal kepada kerajaan. Perkhidmatan utama yang disediakan ialah perundingan teknikal, perkhidmatan pengurusan projek dan perkhidmatan pengurusan penyenggaraan yang mana menyokong sektor pembinaan negara khususnya kerja- kerja infrastruktur | **Tel:** 09-5666040<br>**Faks:** 09-5661449<br><br>**Laman Web:**<br>www.jkr.gov.my | |
| 8 | Jabatan Pertahanan Awam | ➢ Mengelola dan menyelenggara Angkatan Pertahanan Awam melalui perkhidmatan sokongan dan logistik yang memadai. | **Tel:** 09-5165991<br>**Faks:** 09-5162991 | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | ➢ Melatih dan mendidik orang ramai mengenai Pertahanan Awam supaya mereka dapat menerima dan memberi tindak balas yang sewajarnya kepada program yang penting bagi Keselamatan diri mereka.<br><br>➢ Mengubah dan menyusun jenis-jenis latihan yang sesuai bagi Angkatan Pertahanan Awam mengikut keadaan semasa.<br><br>➢ Menyediakan khidmat bantuan kecemasan dan talian 999 di seluruh Negara.<br><br>➢ Melakukan tugas–tugas menyelamat dan menyelia mangsa bencana dan kemalangan di seluruh Negara. | **Laman web:**<br>jpamphg@gmail.com | |
| 9 | Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) | ➢ Menyelenggara jalan – jalan perbandaran (jalan dalam kawasan perumahan)<br><br>➢ Menyelenggara longkang kawasan perumahan(tidak termasuk longkang monson JKR dan longkang dalam kampung)<br><br>➢ Menyelenggara alat permainan dalam kawasan perumahan<br><br>➢ Membina dan menyelenggara perhentian bas dalam kawasan MPK.<br><br>➢ Menyelenggara dewan di bawah kawalan MPK( tidak termasuk dewan yang telah diserahkan kepada KRT dan lain- lain badan)<br><br>➢ Melaksana projek- projek (setelah peruntukan diluluskan)<br>- Kemudahan asas seperti longkang dan jalan<br>- Sosio ekonomi seperti gerai,tapak jaja dan pasar<br>- Pelancongan seperti “Board Walk” dan lain- lain projek berkaitan pelancongan | **Tel:** 09-5121555/ 666<br>**Faks:** 09-5130644<br><br>**Laman web:**<br>www.mpk.gov.my | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 10 | Tenaga Nasional Berhad (TNB) | ➢ Aktiviti teras TNB adalah dalam penjanaan, penghantaran dan pengagihan elektrik. Aktiviti-aktiviti lain termasuk membaiki, ujian dan mengekalkan loji kuasa, menyediakan perkhidmatan kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan loji janakuasa produk berkaitan, pemasangan dan pembuatan suis voltan tinggi, perlombongan arang batu dan perdagangan. | **Tel:** 09-5155555<br>**Faks:** 09-5155674<br><br>**Laman web:**<br>www.tnb.com.my | **Tel:** 15454<br><br>**Toll Free:**<br>1-300-88-5454 |
| 11 | Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan | ➢ Mengurus, merancang dan mentadbir daerah dan tanah serta melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan cekap dan berkesan secara bersistematik mengikut undang-undang yang berkenaan selaras dengan dasar pembangunan daerah, negeri dan negara. | **Tel:** 09-5712400<br>**Faks:** 09-5712500<br><br>**Laman Web:**<br>pdtkuantan.pahang.gov.my | **Tel:** 09-5712459<br>09-5712431 |